



Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN
(NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD)


Q869-004-3:2017

PERAWATAN RUQYAH

RUQYAH HEALING

TAHAP 3

Hak Cipta © JPK 2017



Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN

PERAWATAN RUQYAH

RUQYAH HEALING

TAHAP 3

Hak cipta terpelihara

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan dalam sistem data asas atau dalam apa jua bentuk dengan sebarang cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Isi Kandungan

Singkatan.....	i
Glosari.....	ii
Penghargaan.....	v
PRAKTIS STANDARD	1
1. Pengenalan	2
1.1. Latar Belakang Pekerjaan	9
1.2. Rasional Pembangunan SKPK	10
1.3. Rasional Struktur Pekerjaan dan Struktur Bidang Pekerjaan	10
1.4. Undang-Undang / Syarat Badan Berkanun Berkaitan Pekerjaan	11
1.5. Pra-Syarat Pekerjaan.....	11
2. Struktur Pekerjaan (OS).....	12
3. Struktur Bidang Pekerjaan (OAS)	12
4. Definisi Tahap Kompetensi	12
5. Penganugerahan Sijil	13
6. Kompetensi Pekerjaan (OC)	13
7. Keadaan Pekerjaan.....	13
8. Prospek Pekerjaan.....	14
9. Peluang Peningkatan Kemahiran	15
10. Organisasi Rujukan Bagi Maklumat Tambahan	15
11. Jawatankuasa Penilaian Standard Teknikal	21
12. Jawatankuasa Pembangunan Standard.....	22
KANDUNGAN STANDARD	25
13. Carta Profil Kompetensi (CPC)	26
14. Profil Kompetensi (CP).....	27
KURIKULUM	40
15. Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU).....	41
15.1. Perawatan Penyakit Fizikal Lazim	41
15.2. Perawatan Penyakit Fizikal dan Spiritual Individu di Luar.....	50
15.3. Perawatan Sihir Lazim.....	59
15.4. Perawatan Penyakit Emosi Biasa	68
15.5. Perawatan Masalah Sederhana Rumit	76
15.6. Bantuan Ruqyah Khidmat Masyarakat.....	82
16. Mod Penyampaian	91

17.	Peralatan, Mesin dan Bahan (TEM).....	92
18.	Ringkasan Tempoh Latihan	95

Singkatan

1. BPTK Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia
2. CoCU *Curriculum of Competency Unit / Kurikulum Unit Kompetensi*
3. CP *Competency Profile / Profil Kompetensi*
4. CPC *Competency Profile Chart / Carta Profil Kompetensi*
5. CU *Competency Unit / Unit Kompetensi*
6. DKLM Diploma Kemahiran Lanjutan Malaysia
7. DKM Diploma Kemahiran Malaysia
8. JAKIM Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
9. JPK Jabatan Pembangunan Kemahiran
10. JPS Jawatankuasa Pembangunan Standard
11. KSM Kementerian Sumber Manusia
12. NCS-CA National Competency Standard-Core Abilities
13. NGO *Non-Government Organization*
14. NOSS *National Occupational Skills Standard*
15. OAS *Occupational Area Structure / Struktur Bidang Pekerjaan*
16. OS *Occupational Structure / Struktur Pekerjaan*
17. PBL *Problem-based Learning*
18. PP Penyata Pencapaian
19. PRK Pusat Rawatan Kecil
20. SKM Sijil Kemahiran Malaysia
21. SKPK Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
22. SLDN Sistem Latihan DUAL Nasional
23. SOP Standard Operation Procedure / Prosedur Operasi Standard
24. TCM *Traditional and Complimentary Medicines*
25. WHO *World Health Organizations*

Glosari

1. Autonomi Kuasa atau hak mengurus
2. Al-Ain Sejenis gangguan syaitan yang berpunca daripada pandangan mata yang dengki dan sebagainya
3. Arraf Mendakwa mengetahui perkara-perkara tertentu dengan beberapa pendahuluan atau petanda seperti mengetahui kecurian, tempat kehilangan dan tempat sesuatu benda
4. Azimat Bahan-bahan seperti tulisan, rajah, huruf-huruf, simbol, nombor-nombor atau bahan dari alam semulajadi seperti bahagian-bahagian daripada tumbuhan, kain, anggota haiwan, batu, logam dan lain-lain yang dipakai atau disimpan dengan berkeyakinan dapat memberi kesan kepada penggunaanya
5. Carta Alir Gambar rajah atau perwakilan grafik yang digunakan untuk menunjukkan logik dan urutan sesuatu atur cara computer
6. Diagnosis Proses menentukan jenis penyakit
7. Disinfeksi/nyahkuman Prosedur pembersihan peralatan menggunakan bahan nyahkuman atau *antiseptic*
8. Etika Adat dan peraturan bukan kesopanan (terutamanya dalam kehidupan hukum-hukum atau dalam profesion tertentu)
9. Entiti Sesuatu yang mempunyai kewujudannya sendiri
10. Fiqh perubatan Perbincangan hukum-hakam kontemporari berkaitan perawatan penyakit
11. Gangguan makhluk halus Satu bentuk gangguan terhadap pesakit dari segi perasaan, kesihatan dan tingkah lakunya dengan gejala dan tanda yang mana puncanya tidak dapat dikesan oleh Perubatan Alopati
12. Histeria Satu bentuk gangguan makhluk halus yang mengakibatkan gangguan emosi dan kelakuan yang tidak dapat dikawal
13. Ijmak Persepakatan kata yang berlaku dalam kalangan para ulama selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW terhadap sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam
14. Implementasi Pelaksanaan

15. Istiqamah	Ketaatan menjalankan suruhan secara terus menerus
16. Jampi	Kata-kata seruan, mentera dan serapah yang diucapkan dengan tujuan penyembuhan penyakit atau lain-lain
17. Jin	Makhluk Allah yang dicipta daripada api yang juga dikenali sebagai Khadam, Qarin, Syaitan, Iblis, Hantu dan lain-lain
18. Justifikasi	Hujah dan alasan
19. Kahanah	Orang yang boleh meramal perkara yang akan berlaku atau menghabarkan perkara-perkara ghaib dan apa yang tersirat dalam hati dengan pertolongan makhluk halus
20. Karamah	Suatu perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada orang yang soleh yang dikasihi Allah, yang bersifat hakiki dan betul-betul terjadi pada waktu tertentu secara mendadak semasa hidupnya, tetapi tidak boleh diprogramkan dan dipertontonkan kepada orang lain dan ianya khusus sebagai tanda kemuliaan yang diberikan kepada golongan yang taat kepadaNya
21. Kasyaf	Penyingkapan rahsia-rahsia alam ghaib melalui pandangan mata hati. Ia termasuk karamah yang menarik adat yang dikurniakan kepada Wali Allah dan mestilah tidak bercanggah dengan kaedah agama dan hukum syarak
22. Makhluk halus	Sebahagian daripada makhluk Allah SWT seperti jin dan syaitan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar
23. Maunah	Suatu perkara luar biasa yang berupa pertolongan yang dikurniakan oleh Allah kepada orang-orang soleh, yang bersifat hakiki dan betul-betul terjadi pada waktu itu dengan tujuan untuk menambahkan lagi keyakinannya kepada Allah
24. Ruqyah	Doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan hadis, yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan
25. Penyakit jasmani/ fizikal	Penyakit yang telah dikenalpasti oleh pengamal Perubatan Alopati
26. Penyakit hati (qolbu)	Penyakit-penyakit atau sifat-sifat mazmumah yang ada di dalam hati manusia seperti takabur, hasad, dengki, riak dan sebagainya

- | | |
|--------------------------|---|
| 27. Penyakit rohani | Penyakit yang berkaitan dengan jiwa dan emosi seperti kemurungan yang melampau, was-was, baran yang melampau, resah, <i>anxiety</i> dan lain-lain |
| 28. Pengeras | Sesuatu bahan atau bayaran yang ditetapkan oleh perawat sebagai syarat untuk rawatan |
| 29. Pengijazahan | Satu pengiktirafan kepada perawat untuk mengamalkan ilmu yang diterima daripada guru |
| 30. Saka | Makhluk halus yang diwarisi dari keturunan secara rela atau tidak |
| 31. Sampuk | Gangguan kesihatan akibat rasukan makhluk halus |
| 32. Sihir/Santau | Satu ilmu yang menghasilkan kesan luar biasa yang tidak dapat diterangkan puncanya secara logik, yang terhasil melalui penglibatan jin, syaitan dan iblis dengan menggunakan peralatan dan kaedah yang tertentu |
| 33. Steril/
sucihama | Keadaan peralatan yang telah dibersihkan mengikut piawaian |
| 34. Tanasukh
al-Arwah | Proses berkomunikasi dengan roh-roh si mati yang didakwa para wali bagi tujuan pengubatan |
| 35. Tawasul | Memohon pertolongan kepada Allah SWT dengan syafaat Nabi Muhammad SAW dan dengan keberkatan orang-orang yang soleh |

Penghargaan

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan Panel Pakar dan Ahli Jawatankuasa Standard Pembangunan atas sumbangan, dedikasi dan sokongan sehingga berjaya menyempurnakan NOSS ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan sokongan kepada semua organisasi yang terlibat terutamanya Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa') yang telah banyak menyumbang tenaga dengan penuh dedikasi dalam menjayakan dan menyempurnakan standard ini.

Tidak lupa juga diucapkan setinggi penghargaan kepada semua warga kerja Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), fasilitator, ahli panel pakar pembangun Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan dan ahli keluarga yang telah memberikan kerjasama yang baik serta mendorong menaikkan semangat pasukan pembangunan standard menjayakan standard ini.

Akhir kata, saya mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana pasukan standard telah dapat mengatasi segala cabaran dan rintangan dalam menjayakan standard ini.

PRAKTIS STANDARD
STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK) UNTUK;
PERAWATAN RUQYAH
TAHAP 3

1. Pengenalan

Menurut Dato' Dr. Haron Din: "Perkataan Pengobatan Islam boleh ditakrifkan sebagai suatu usaha dan ikhtiar bagi mencari kesembuhan kepada penyakit atau penyelesaian kepada pelbagai masalah manusia dengan merujuk serta menggunakan ayat-ayat al-Quran yang tertentu, Sunnah Nabi SAW serta ijtihad para ulama muktabar yang lampau."¹

Di dalam kitab-kitab hadis yang muktabar, terdapatnya satu bab khusus yang dinamakan oleh para ulama sebagai kitab al-Tibb al-Nabawi yang bermaksud kitab yang merangkumkan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW yang berkaitan dengan perubatan dan prinsip-prinsip rawatan penyakit.

Ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW bukan sahaja berlegar di sekitar hukum-hakam agama yang berkaitan dengan persoalan akidah, syariah dan akhlak malah turut merangkumi beberapa aspek yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan manusia, pengobatan dan rawatan penyakit, rohani dan jasmani. Menurut Islam, adalah penting bagi seseorang pesakit dirawat secara menyeluruh dari segi fizikal, emosi dan rohani.²

Pembinaan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) ini adalah manifestasi kepada firman Allah SWT dalam al-Quran. Terdapat enam ayat dalam al-Quran yang secara spesifik menyentuh tentang unsur-unsur syifa'. Antara sandaran dan dalil kepada pendekatan rawatan seumpama ini adalah firman Allah SWT yang bermaksud:

- a. Wahai manusia, Sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman. (Surah Yunus: 57)
- b. Kemudian makanlah dari tiap-tiap (macam) buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang memikirkan. (Surah an Nahl: 69)
- c. Dan Kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian. (Surah al-Isra': 82)
- d. Dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan aku. (Surah al-Syu'ara': 80)
- e. Dan jikalau Kami jadikan al-Quran itu suatu bacaan dalam bahasa selain Arab, tentulah mereka mengatakan: "Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya?" Apakah (patut al-Quran) dalam bahasa asing sedang (Rasul adalah orang) Arab? Katakanlah: "Al-Quran itu adalah petunjuk dan penawar bagi orang-orang mukmin.

¹ Dato' Dr Haron Din.. (2011): Pengantar Pengobatan Islam. Bangi: Darussyifa'.

² Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Garis Panduan Amalan Pengobatan Islam. September 2011.

Dan orang-orang yang tidak beriman pada telinga mereka ada sumbatan, sedang al-Quran itu suatu kegelapan bagi mereka. Mereka itu adalah (seperti) yang dipanggil dari tempat yang jauh". (Surah Fussilat: 44)

- f. Dan (Allah) akan melegakan hati orang-orang yang beriman (al-Taubah : 14)

Antara Sabda Nabi Muhammad saw yang berkaitan dengan perawatan Islam adalah seperti berikut:-

- a. "Hendaklah kamu menggunakan dua penawar : madu dan al-Quran." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah di dalam Sunan Ibn Majah, Kitab al-Tibb, Bab : Madu)
- b. "Sebaik-baik penawar itu adalah al-Quran." (Diriwayatkan oleh Ibnu Majah di dalam Sunan Ibn Majah, Kitab al-Tibb, Bab : al-Istishfa` bi Al-Quran)
- c. "Bagaimana kamu dapat mengetahui bahawa al-Fatihah adalah penawar kepada penyakit?" (Diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahih Muslim, Kitab al-Salam, Bab : Jawaz `akhdh al-`Ujrah `ala al-Ruqyah bi al-Quran wa al-Adhkar)
- d. "Barangsiapa mendatangi dukun atau tukang sihir lalu mempercayai apa yang dikatakannya; maka dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW." (Diriwayatkan oleh al-Bayhaqi di dalam al-Sunan al-Kubra dan al-Hakim di dalam al-Mustadrak)
- e. "Barangsiapa yang pergi kepada tukang tilik/ahli nujum/dukun lalu bertanya kepadanya mengenai sesuatu perkara maka solatnya tidak diterima untuk 40 hari" (Diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahih Muslim, Kitab al-Salam, Bab : Tahrim al-Kahanah wa Ityan al-Kahhan)

Begitulah juga para ulama telah bersepakat kata (ijmak) tanpa khilaf dalam kalangan mereka tentang keharusan merawat penyakit dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang muktabar. Pendekatan rawatan dengan kaedah ini diistilahkan oleh para ulama sebagai *al-Ruqyah al-Syar'iyah*.

Al-Ruqyah al-Syar'iyah merujuk kepada pelbagai ayat-ayat al-Quran, nama-nama Allah SWT dan sifat-sifatNya yang agung, serta doa-doa yang muktabar, samada dari Nabi Muhammad SAW sendiri ataupun yang disusun oleh para ulama di bidang ini, yang dibacakan kepada para pesakit atau sesiapa yang berhajat, dengan tujuan untuk mendapatkan kesembuhan daripada penyakit atau menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Dalil keharusan merawat penyakit melalui pendekatan al-Ruqyah ini adalah berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW seperti yang telah dinyatakan di atas. Menurut para ulama, merawat penyakit melalui ayat-ayat al-Quran ini merangkumi kedua-duanya iaitu penyakit rohani dan jasmani/fizikal.


Secara prinsipnya para ulama telah membahagikan rawatan secara ruqyah ini kepada dua bahagian iaitu :-

- a. *Ruqyah syar'iyah* yang merangkumkan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang muktabar serta menepati hukum syarak; dan
- b. *Ruqyah syirkiyyah* yang melibatkan pembacaan doa-doa yang tidak dapat difahami maknanya atau meragukan ataupun doa-doa yang secara jelasnya ditujukan kepada selain Allah SWT, seperti kepada jin, syaitan dan makhluk halus. Di dalam hal ini para ulama telah bersepakat kata tanpa khilaf bahawa mendapatkan rawatan melalui *ruqyah syirkiyyah* ini adalah haram dan tidak dibolehkan di dalam apa jua keadaan.

Ketika ini masih ramai masyarakat Islam yang suka memilih untuk mendapatkan rawatan di pusat-pusat rawatan yang bercanggah dengan akidah Islam dan syarak. Perkara ini adalah serius kerana ia boleh membawa kepada kerosakan akidah dan seterusnya menjurus kepada syirik.


Suatu kajian yang dilakukan oleh *Pew Research Center* pada tahun 2012, melibatkan 39 buah negara yang mempunyai penduduk Islam. Didapati di Malaysia ini apabila umat Islam menerima musibah sakit, maka 40% pesakit cenderung mencari perawat keagamaan (*religious healer*) manakala 49% pesakit pula cenderung untuk mencari pengamal-pengamal yang menawarkan khidmat rawatan yang tidak patuh syariah, berbentuk khurafat dan sesat seperti penggunaan ilmu sihir dan ilmu hitam (*sorcerer*) (rujuk Rajah 1, 2).³

³ The World's Muslims: Unity and Diversity Pew Research Center's Forum on Religion & Public
<http://www.pewforum.org/2012/08/09/the-worlds-muslims-unity-and-diversity>



- Substantial numbers of Muslims report that they turn to traditional religious healers when they or their family members are ill. This practice is common among Muslims in sub-Saharan Africa and South Asia. In the former region, more than half in Senegal (73%), Chad (68%), Cameroon (57%), Liberia (55%), Mali (55%) and Tanzania (53%) say they sometimes use traditional healers. In South Asia, most Afghan and Pakistani Muslims (66% and 55%, respectively) say the same.
- Although a majority of Tajik Muslims (66%) also report turning to traditional religious healers, fewer in the other Central Asian nations say they sometimes seek such help for themselves or a family member.
- Across the countries surveyed in Southeast Asia and the Middle East-North Africa region, fewer than half of Muslims say they ever enlist the aid of traditional religious healers. In Southeast Asia, the practice is most common in Thailand (48%), while in the Middle East and North Africa reliance on traditional healers is most prevalent among Muslims in Iraq (46%), Egypt (44%), Jordan (42%) and Tunisia (41%).
- Muslims in Southern and Eastern Europe are less likely to consult traditional religious healers. About four-in-ten Albanian Muslims (38%) say they sometimes use such healers, while elsewhere in the region a quarter or fewer say they ever turn to a traditional healer.
- In some countries, Muslims who pray several times a day are more likely than those who pray less often to use traditional religious healers. For example, in Jordan 47% of those who pray more than once a day have turned to traditional healers, compared with 31% of those who pray less often; in Turkey, the difference is 35% vs. 18%. Smaller but significant gaps are found in Kosovo (+16 percentage points among those who pray more than once a day), Azerbaijan (+15), Kyrgyzstan (+13), Egypt (+12) and Lebanon (+12).

Rajah 1: Guna Khidmat Perawat Keagamaan.



- The Quran and hadith both make reference to witchcraft and sorcery in the time of the Prophet Muhammad. Today, the survey finds, substantial numbers of Muslims continue to believe in the existence of witchcraft, although levels of belief vary widely across the countries included in the study, and – as discussed later in this report – very few Muslims believe the use of sorcery is an acceptable practice under Islam.
- In sub-Saharan Africa, the proportion of Muslims who say witchcraft or sorcery is real ranges from more than nine-in-ten in Tanzania (92%) to about one-in-six in Ethiopia (15%). A similar range of views is found in the Middle East and North Africa, where more than three-quarters of Muslims in Tunisia (89%) and Morocco (78%) believe in witchcraft, compared with as few as 16% in Egypt and 14% in the Palestinian territories.
- Among the Southeast Asian countries surveyed, Indonesian Muslims are the most convinced that witchcraft is real (69%). In South Asia, Pakistani Muslims (50%) are more likely than their counterparts in Afghanistan (35%) or Bangladesh (9%) to believe in the existence of sorcery.
- Meanwhile, in Southern and Eastern Europe, Albanian Muslims are the most likely to believe in witchcraft (43%), compared with a third or fewer elsewhere in the region.
- Belief in the existence of witchcraft is least common in Central Asia. With the exception of Turkey, where about half of Muslims (49%) believe that sorcery exists, no more than three-in-ten in any of the Central Asian nations surveyed believe witchcraft is real.
- Across most of the countries surveyed, Muslims who pray more than once a day are about as likely to accept the existence of witchcraft as those who pray less often. However, there are exceptions to this pattern. In Kosovo and Lebanon, Muslims who pray several times a day are significantly more likely to believe in sorcery (32 percentage points in the former, 16 points in the latter), while in Kyrgyzstan and Egypt the opposite is true: those who pray multiple times a day are slightly less likely to believe in witchcraft (by 10 and eight points, respectively).

Rajah 2: Kepercayaan kepada amalan perbomohan.

Pada tahun 2014 jumlah pesakit yang mengunjungi hospital kerajaan dan swasta (baik sebagai pesakit yang masuk wad atau pesakit luar) adalah seramai 27.47 juta orang, di mana 81.5% (22.39 juta) pesakit mengunjungi hospital kerajaan manakala 18.5% (5.08 juta) pesakit mengunjungi hospital swasta. Di hospital-hospital kerajaan jumlah pesakit yang dimasukkan ke wad adalah seramai 2,407,122 orang sedangkan jumlah pesakit luar adalah seramai 19,984,111 orang. Manakala di hospital-hospital swasta pula jumlah pesakit yang dimasukkan ke wad adalah seramai 1,083,201 sedangkan jumlah pesakit luar adalah seramai 4,000,396. Keterangan lanjut adalah seperti di Rajah 3.

Admissions and Outpatient Attendances, 2014		Admissions and Outpatient Attendances, 2014	
Government		Government (contd.)	
• Ministry of Health		• Ministry of Health	
Admissions¹		Maternal & Child Health Attendances	
Hospitals	2,407,122	Ante-natal Attendances	6,117,418
Special Medical Institutions	58,040	Post-natal Attendances	564,726
Outpatient Attendances		Child Attendances	8,149,862
Hospitals	19,984,111	• Non Ministry of Health Hospitals	
Special Medical Institutions	291,473	Admissions	148,450
Public Health Facilities ²	35,444,397	Outpatient Attendances	2,113,756
Day Care Attendances		Private Hospitals¹⁰	
Hospitals ³	1,187,962	Admissions	1,083,201
Clinical Support Service Attendances		Outpatient Attendances	4,000,396
Medical Rehabilitation (Hearing) ⁴	108,006		
Medical Rehabilitation (Speech) ⁵	50,154		
Medical Social Services ⁶	90,967		
Dietetic ⁷	163,940		
Medical Rehabilitation (Occupational Therapy) ⁸	444,567		
Medical Rehabilitation (Physiotherapy) ⁹	1,035,708		
Dental Health Attendances			
Dental Clinics	11,603,760		

¹Based on 93.14% response rate.
²Based on 97.16% response rate.
³Based on 89.28% response rate.
⁴Based on 97.54% response rate.
⁵Based on 98.84% response rate.
⁶Based on 79.78% response rate.
⁷Based on 90.73% response rate.
⁸Based on 83.55% response rate.
⁹Based on 85.53% response rate.
¹⁰Based on 96.05% response rate. Includes Private Hospitals, Private Maternity Homes, Private Nursing Homes and Private Hospice.

Rajah 3: Fakta Kesihatan 2014; Kementerian Kesihatan Malaysia, Ogos 2014.

Berdasarkan pandangan dan hasil kajian oleh pihak Pew Research Center di atas dapatlah disimpulkan bahawa pada tahun 2014 jika di andaikan 40% pesakit masih lagi sakit setelah mendapat rawatan di hospital-hospital kerajaan maka seramai 2.69 juta pesakit yang beragama Islam akan lebih cenderung untuk mencari pengamal-pengamal yang menawarkan khidmat rawatan yang tidak patuh syariah, berbentuk khurafat dan sesat seperti penggunaan ilmu sihir dan ilmu hitam (*sorcerer*) (rujuk Jadual 1). Keadaan ini amatlah membimbangkan kerana pesakit-pesakit tadi mudah terdedah kepada hal-hal khurafat, kepercayaan sesat dan boleh membawa kepada syirik tanpa sedar.

Jadual 1: Pecahan Terperinci Tendensi Pesakit Islam Cari Perawat Meragukan, 2014

Andaian	100% Masih Sakit (0% Sihat)	80% Masih Sakit (20% Sihat)	60% Masih Sakit (40% Sihat)	40 % Masih Sakit (60% Sihat)	20% Masih Sakit (80% Sihat)
Jumlah Pesakit Islam Terima Rawatan Dari Hospital Kerajaan, 2014*/**	13,725,825	10,980,660	8,235,495	5,490,330	2,745,165
Jumlah pesakit Islam yang cenderung cari pengamal ilmu sihir/ilmu hitam (belief in sorcery)#	6,725,654 (13,725,825 X 49% = 6,725,654)	5,380,523 (10,980,660 X 49% = 5,380,523)	4,035,392 (8,235,495 X 49% = 4,035,392)	2,690,261 (5,490,330 X 49% = 2,690,261)	1,345,130 (2,745,165 X 49% = 1,345,130)

* Laporan soal selidik jumlah perawat dan unjuran pesakit Darussyifa' seluruh Malaysia, 2015-Revised Version 1 (10.04.2015) oleh Lujnah R&D Darussyifa'

** Health Facts 2015. Ministry of Health Malaysia, 2015

[90.76 % penduduk Mlayasia mendapat rawatan di Hoptal Kerajaan dan Swasta pada tahun 2014]

Pew Research Center (2012).The World's Muslims: Unity & Diversity


[49% penduduk Islam Malaysia cenderung mencari perawat yang mengamal ilmu sihir/ilmu hitam jika sakit]

Terdapat banyak kajian berkaitan Perubatan Islam yang telah dijalankan di dalam dan luar negara. Kepercayaan agama yang teguh dapat mengurangkan tahap kemurungan terutama kepada pesakit yang tidak menunjukkan peningkatan fungsi fizikal yang bertambah baik. Semakan ke atas kajian-kajian terdahulu (systematic reviews) juga telah merumuskan bahawa pesakit yang mengamalkan kekuatan kepercayaan agama menerima lebih manfaat dalam aspek penyembuhan penyakit. Amalan agama yang konsisten juga dikaitkan dengan kesihatan mental dan fizikal yang lebih baik.⁴

Secara perundangan, amalan bidang Perubatan Islam di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Perubatan Tradisional dan Komplimentari, 2016 (Akta 775) dan ianya dikawal selia oleh Bahagian Tradisional dan Komplimentari, Kementerian Kesihatan Malaysia. Satu keputusan penting telah dibuat pada Persidangan World Health Organizations (WHO) tahun 2008 di Beijing⁵. Negara-negara yang menganggotai WHO telah berikrar untuk mengintegrasikan amalan perubatan tradisional dan komplimentari ke dalam sistem kesihatan kebangsaan (rujuk Rajah 4).

⁴Russell D'Souza. The importance of spirituality in medicine and its application to clinical practice. MJA 2007; 186: S57-S59

⁵ Beijing Declaration, 2008: Carissa Etienne, WHO Assistant Director-General for Health Systems and Services. http://www.who.int/medicines/areas/traditional/congress/beijing_declaration/en/



Rajah 4: “Deklarasi Beijing ” 2008 - Integrasi Tradisional & Komplementari Sistem Kesihatan Kebangsaan

Bidang perawatan Islam Darussyifa’ telah mengambil langkah-langkah tersusun dan berterusan untuk menyediakan kumpulan tenaga perawat yang mahir dan professional yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Ianya adalah selaras dengan Visi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplimentari Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu menyediakan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplimentari yang akan diintegrasikan secara optimum ke dalam sistem penjagaan kesihatan bagi mencapai pendekatan holistik (fizikal dan spiritual) dalam meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup.

Perawat-perawat Darussyifa’ berusaha sedaya upaya berikhtiar menolong masyarakat yang meminta bantuan melalui jalan-jalan yang diredhai oleh Allah SWT dengan doa-doa daripada al-Quran dan al-Sunnah serta bahan-bahan ubat yang selaras dengan syarak. Kesembuhan milik Allah. Kita berikhtiar dengan izinNya, Allah menyembuh dengan kudratNya.

Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 3 ini dibangunkan untuk melahirkan perawat yang berketerampilan dan bertanggungjawab bagi membantu merealisasikan tuntutan fardhu kifayah yang merangkumi rawatan penyakit berkaitan jasmani sebanyak 70% dan rawatan penyakit berkaitan rohani sebanyak 30%.

1.1. Latar Belakang Pekerjaan

Bidang Pengubatan Islam ini merupakan satu bidang rawatan berasaskan kepada penggunaan ayat-ayat Al-Quran dan Ruqyah Syar'iyah. Bidang ini dibangunkan untuk memenuhi keperluan masyarakat kepada suatu sistem rawatan yang berasaskan kepada Ruqyah Syar'iyah.

Penubuhan Darussyifa' diilhamkan oleh Almarhum Dato' Dr. Haron Din yang telah bergiat dalam bidang pengubatan Islam semenjak tahun 1977. Beliau merupakan pengasas Darussyifa'. Bermula dengan 5 pelajar terawal kini jumlah pelajar yang telah lulus Pusat Pengajian Darussyifa' mencapai 1,400 orang setahun. Jumlah pelajar yang telah lulus dari Pusat Pengajian Darussyifa' adalah 10,000 orang.

Menurut satu kajian yang dilakukan oleh pihak Darussyifa', pada tahun 2015, terdapat seramai 1,111 orang perawat aktif yang merawat di 89 Pusat Rawatan Kecil seluruh negara. Jumlah pesakit yang dirawat mencecah 227,178 orang yang terdiri daripada pelbagai etnik. Kedudukan terperinci menurut negeri adalah seperti Jadual 2 berikut:-

Jadual 2: Jumlah Perawat dan Unjuran Jumlah Pesakit Darussyifa', 2015

Bil	Negeri	Jumlah Pusat Rawatan	Jumlah Perawat	Unjuran Jumlah Pesakit Setahun
1.	Selangor	13	265	101,280
2.	Perak	13	145	15,498
3.	Kelantan	7	115	14,496
4.	Pahang	7	29	14,256
5.	Kedah	7	94	11,040
6.	Trengganu	8	83	10,752
7.	Sabah	4	45	10,560
8.	Johor	6	19	10,560
9.	Negeri Sembilan	4	50	10,128
10.	Melaka	5	66	9,936
11.	Pulau Pinang	4	77	8,304
12.	Sarawak	3	22	4,608
13.	Perlis	2	53	2,880
14.	Wilayah Persekutuan:			
	Kuala Lumpur	1	11	1,920
	Labuan	1	13	480
	Putrajaya	1	24	480
JUMLAH		86	1,111	227,178

(Sumber: Laporan soal selidik jumlah perawat dan unjuran pesakit Darussyifa' seluruh Malaysia, 2015)

- Revised Version 1 (10.04.2015) oleh Lujnah R&D Darussyifa')

Daripada jumlah perawat yang aktif di dalam Jadual 2 di atas, adalah dianggarkan sebanyak 50% (556) daripadanya mempunyai kemahiran dan terampil di Tahap 3. Jumlah tersebut dijangka akan meningkat menjelang tahun 2020.

1.2. Rasional Pembangunan SKPK

SKPK ini sangat penting dibangunkan berdasarkan pertimbangan dan justifikasi berikut:-

- a. Melaksanakan tuntutan fardhu kifayah dalam masyarakat.
- b. Menyelamatkan akidah masyarakat Islam daripada terlibat dengan rawatan-rawatan yang berunsurkan syirik dan khurafat serta mendekatkan makhluk kepada Pencipta (Khaliq).
- c. Membantu kesembuhan penyakit serta permasalahan emosi atau rohani yang sedang dihadapi.
- d. Melahirkan perawat-perawat penguat Islam yang berpengetahuan dan kompeten di tahap 3 dalam memberi khidmat rawatan yang terbaik kepada masyarakat demi kesejahteraan dan kebahagiaan makhluk sejadi.
- e. Mendapatkan persijilan kebangsaan bidang amalan Pengobatan Islam dan pengiktirafan kerajaan Malaysia selaras dengan Akta 652 (JPK, KSM) dan memenuhi keperluan Akta 775 (TCM, KKM).
- f. Meningkatkan bilangan jumlah perawat tahap 3 (Perawat Ruqyah) sedia ada bagi memenuhi permintaan rawatan komplementari yang meningkat setiap masa.
- g. Membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) didalam melahirkan masyarakat dan warga yang sihat sejahtera.

1.3. Rasional Struktur Pekerjaan dan Struktur Bidang Pekerjaan

Hasil perbincangan berkumpul dalam kalangan pengamal mendapati terdapatnya keperluan pekerjaan pada Tahap 3 yang diklasifikasikan di bawah Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia (MSIC-2008) di dalam bidang amalan pengobatan Islam iaitu Kumpulan Q869 Seksyen Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan dan Kerja Sosial.

Rumusan daripada bengkel membuktikan bahawa ruang lingkup kerja yang dizahirkan oleh kedua-dua bidang pekerjaan pada Tahap 3 dan 4 mempunyai persamaan tetapi pada tahap tanggungjawab yang berbeza.

Rasional Struktur Pekerjaan ini bermula pada Tahap 3 kerana tahap ini merupakan permulaan kerjaya sebagai perawat ruqyah dan perlu terampil melakukan pelbagai aktiviti rawatan yang merangkumi kes kompleks dan tidak lazim, mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi.

1.4. Undang-Undang / Syarat Badan Berkanun Berkaitan Pekerjaan

Secara keseluruhannya, fungsi bidang amalan Pengubatan Islam ini adalah di bawah pemantauan dan penyeliaan serta tertakluk dalam bidang kuasa undang-undang seperti berikut:-

- a. Akta 652: Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006-Sijil Kemahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia;
- b. Akta 775: Akta Perubatan Tradisional & Komplementari 2016;
- c. Agensi Regulatori Farmasi Negara: Penggunaan herba;
- d. Akta 737: Akta Peranti Perubatan 2012;
- e. Pihak Berkuasa Tempatan: Undang-Undang berkaitan dengan kelulusan premis dan operasi premis;
- f. Akta 514: Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;
- g. Akta 574: Penal Code/Kanun Keseksaan Malaysia; dan
- h. Undang-Undang Tort. Sebuah undang-undang sivil yang memberi penekanan kepada tuntutan ganti rugi/pengagihan kerugian. Tidak terhad kepada manusia tetapi turut melibatkan binatang, premis, harta benda, perubatan dan sebagainya. Contoh adalah tort kecuaihan, tort tanggungan, tort berniat, tort fitnah.

1.5. Pra-Syarat Pekerjaan

Individu yang terlibat dalam pengamalan Pengubatan Islam Tahap 3 ini perlu memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a. Beragama Islam
- b. Warganegara Malaysia
- c. Umur minima 21 tahun dan ke atas
- d. Lulus ujian membaca al-Quran dengan bertajwid dan asas Fardhu Ain

Pra-syarat pekerjaan di atas bertujuan sebagai maklumat untuk membina pra-syarat latihan dan menyediakan syarat khusus pengambilan yang disesuaikan mengikut tugas.

2. Struktur Pekerjaan (OS)

Seksyen	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial
Kumpulan	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain
Bidang	Amalan Pengubatan Islam
Tahap 5	Perawat Ruqyah Perunding
Tahap 4	Perawat Ruqyah Kanan
Tahap 3	Perawat Ruqyah
Tahap 2	Tiada
Tahap 1	Tiada

Rajah 5: Struktur Pekerjaan (OS)

3. Struktur Bidang Pekerjaan (OAS)

Seksyen	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial
Kumpulan	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain
Bidang	Amalan Pengubatan Islam
Tahap 5	Perawatan Perunding Ruqyah
Tahap 4	Perawatan Ruqyah
Tahap 3	Perawatan Ruqyah
Tahap 2	Tiada
Tahap 1	Tiada

Rajah 6: Struktur Bidang Pekerjaan (OAS)

4. Definisi Tahap Kompetensi

SKPK (NOSS) ini dibangunkan meliputi pelbagai bidang pekerjaan. Di bawah adalah rujukan persijilan mengikut tahap yang ditentukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

Tahap 1: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja, sebahagian besarnya adalah lazim dilakukan dan boleh dijangka.

Tahap 2: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja di dalam pelbagai konteks, sebahagiannya adalah tidak lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab dan autonomi diri.

- Tahap 3: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja yang luas di dalam pelbagai konteks, kebanyakan adalah kompleks dan tidak lazim dilakukan, mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, disamping mengawal dan memberi panduan kepada yang lain.
- Tahap 4: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja teknikal dan profesional yang luas skop dan konteksnya, mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, di samping lazim bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber.
- Tahap 5: Terampil menggunakan pelbagai prinsip asas dan teknik yang kompleks, di dalam yang luas serta selalu di luar jangka, mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang sangat tinggi, serta bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber, bertanggungjawab juga terhadap analisis, diagnosis, rekabentuk, perancangan, pengendalian dan penilaian.

5. Penganugerahan Sijil

Ketua Pengarah boleh menganugerahkan kepada mana-mana individu yang telah menepati standard mengikut tahap kelayakan dan kemahiran seperti yang termaktub di bawah Akta 652, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006:

- Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
- Penyata Pencapaian (PP)

6. Kompetensi Pekerjaan

Individu yang terampil dalam Perawatan Ruqyah Tahap 3 adalah kompeten untuk melaksanakan kompetensi teras seperti berikut:-

- a. Perawatan penyakit fizikal lazim
- b. Perawatan penyakit fizikal dan spiritual individu luar
- c. Perawatan sihir lazim
- d. Perawatan penyakit emosi biasa
- e. Perawatan masalah sederhana rumit
- f. Bantuan ruqyah khidmat masyarakat

7. Keadaan Pekerjaan

Perawat akan bertugas memberikan bantuan di hospital, sekolah, klinik, pusat-pusat latihan, kilang, kawasan lapang, dalam dan luar bangunan, lebuh raya, jambatan, pelantar minyak, stesen keretapi, stadium dan lain-lain. Tugasan ini boleh dilakukan secara syif dan atas panggilan dengan minima 2 orang petugas.

Perawat turut berdepan dengan semua jenis golongan tidak mengira bangsa, umur, pangkat, darjat dan agama. Manakala kes-kes yang ditangani merupakan kes biasa dan lazim.

8. Prospek Pekerjaan

Terdapat permintaan terhadap kerjaya Perawatan Ruqyah Tahap 3 kerana warga Malaysia memerlukan bantuan bagi penyembuhan penyakit-penyakit berkaitan penyakit fizikal dan kerohanian yang sedang dialami di kalangan rakyat Malaysia.

Perawatan Ruqyah Tahap 3 mempunyai banyak prospek pekerjaan di sektor kerajaan, persatuan dan di sektor swasta dan industri seperti di nyatakan di jadual di bawah ini:-

Kategori Agensi	Nama Agensi
Kerajaan	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Majlis Agama Islam Negeri Jabatan Agama Islam Negeri Bahagian Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Hospital Kerajaan Klinik Kesihatan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Polis DiRaja Malaysia Jabatan Penjara Malaysia Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Persatuan	Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa') Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN) Persatuan Perubatan Islam Malaysia Muslim Care Pusat Dakwah Serantau Persatuan Permata Al-Quran
Industri/ Swasta	Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Hospital swasta Sekolah swasta Masjid-masjid Pusat-pusat Latihan Pusat-pusat Rawatan Islam Institusi Kewangan Institusi Takaful

9. Peluang Peningkatan Kemahiran

Peluang peningkatan kemahiran untuk bidang kerjaya Perawatan Ruqyah Tahap 3 boleh diperolehi dengan mengikuti kursus berkaitan asas pertolongan cemas, pengetahuan mengenai herba, mendalami ilmu berkaitan fiqh perubatan, serta meningkatkan kemahiran ilmu tajwid dan tahsin al-Quran termasuk memantapkan hafalan doa-doa ruqyah yang berkaitan.

10. Organisasi Rujukan Bagi Maklumat Tambahan

Organisasi berikut boleh dirujuk sebagai sumber maklumat tambahan bagi membantu menerangkan kandungan dokumen.

- a. Kementerian Kesihatan Malaysia
(Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E, Tingkat 1, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
Tel: 03-26985077
Faks: 03-26911259
Email: tcm@moh.gov.my
- b. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Aras 4 – 9, Blok D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel: 03-88864000
Faks: 03-88892039
Email: webmaster@Islam.gov.my
- c. Majlis Fatwa Kebangsaan
Aras 4 – 9, Blok D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel: 03-88864000
Faks: 03-88892039
Email: webmaster@Islam.gov.my
- d. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS)
A2, Taman Pengkalan Asam
Jalan Tuanku Syed Putra
01000 Kangar
Perlis
Tel: 04-9794434/04-9794438/04-9794439
Faks: 04-9782400
Email: feedback@maips.gov.my

- e. Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK)
Bangunan Wan Mat Saman,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7343755
Faks: 04-7316634
maik@kedah.gov.my ; admin@maik.gov.my

- f. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMP)
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
3000 Ipoh,
Perak
Tel: 05-2084000
Faks: 05-2414257
Email: korporat@maiamp.gov.my

- g. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)
Tingkat 8 & 9, Menara UMNO, 128 Jalan Macalister
10400 Pulau Pinang
Telefon: 04-2260305/319
Faks: 04-2260380
Emel: mainpp@mainpp.gov.my

- h. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
Tingkat 9 & 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor
Tel: 03-55143400
Fax: 03-55124042
Emel: pro@mais.gov.my

- i. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan(MAINS)
Beg Berkunci No. 22,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan
Tel: 06-7620642/645
Faks: 06-7620648
Email: baitulmal@mains.gov.my

- j. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
Pusat Islam Melaka, Bukit Palah
75400, Melaka
Tel: 06-2837416/283 2077/2849809
Faks: 06-2826033
Email: admin@maim.gov.my

- k. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
Aras 1,7,9-11, Bangunan PERKIM No. 150, Jalan Ipoh
51200 Kuala Lumpur
Tel: 03-40479444
Faks: 03-40449444

- l. Majlis Agama Islam Negeri Johor
Aras 5, Blok 'B',
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725, 80990,
Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Tel: 07-2282929/07-2282937/07-2282941/07-2282926
Faks: 07-2238752/07-2275173
Email: zakat@maij.gov.my

- m. Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)
Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah
Jalan Istana Permai
26600 Pekan,
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-4221311
Faks: 09-4221885
Email: info@muip.gov.my

- n. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
Pusat Pentadbiran Islam Negeri,
Kompleks Seri Iman,
Jalan Sultan Mohamad,
20519 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman
Tel: 09-6303030
Fax: 09-6248134/09-6247917
Emel: info@maidam.gov.my

- o. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)
Kompleks Balai Islam, Lundang
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu,
Kelantan
Tel: 09-7481512
Faks: 09-7485512
Email: maik@e-maik.my

- p. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
Bangunan Sultan Idris Shah,
Tingkat 1 Menara Selatan, No 2 Persiaran Masjid,
40676 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-55143400
Faks: 03-55103368
Email: info@jais.gov.my

- q. Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP)
Jalan Masjid, 26600 Pekan,
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-4211111/09-4211112
Faks: 09-4221781
Email: jaip@pahang.gov.my

- r. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Bangunan Wan Mat Saman
05676 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7745400, 04-7333288
Faks: 04-7338333

- s. Jabatan Agama Islam Negeri Perlis
Kompleks Islam
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar,
Perlis
Tel: 04-9794400
Faks: 04-976134

